

PENGALAMAN SEORANG HOUSE DETEKTIF

Oleh **Yasir Mat Kiah**

Pernahkah anda dengar atau tahu tentang pekerjaan atau peranan seorang 'House Detektif'? Untuk mengetahuinya, ikutilah perjalanan serta pengalaman yang di lalui oleh saya selama bergelar 'House Detektif'....

House Detektif kini menjadi pekerjaan yang amat saya minati. Untuk menjadi seorang House Detektif, kita perlu mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut: jatidiri, jujur, mempunyai penglihatan yang jelas, ingatan yang kuat, boleh mengendalikan atau menangani sesuatu kes dengan bijak, tidak mudah putus asa serta berani menghadapi cabaran. Dalam tempoh 2 tahun saya bertugas sebagai 'House Detektif', saya telah membuat lebih dari 300 kes tangkapan dan 126 kes daripadanya melibatkan tangkapan semula oleh pihak polis.

Bermulanya saya sebagai seorang House Detektif ialah apabila saya mula bekerja di sebuah syarikat peruncitan terkemuka di negara ini. Setelah enam bulan bekerja, saya diberi peluang oleh syarikat tempat saya bekerja untuk menghadiri kursus House Detektif selama satu minggu. Selepas dari kursus tersebut, bermulalah kerjaya saya sebagai seorang House Detektif. Pada mulanya saya merasa kurang selesa dengan tugas baru ini namun lama kelamaan saya dapat menyesuaikan diri dan menjadi semakin berminat terhadap pekerjaan yang saya lakukan ini.

Banyak pengalaman yang saya dapat semasa menjalankan tugas sebagai seorang House Detektif di syarikat peruncitan ini. Pengalaman pertama saya selepas bergelar House Detektif ialah apabila saya membuat penahanan terhadap seorang pelanggan India bersama dua orang rakannya pada 27hb Ogos 2008. Semasa penahanan, saya memperkenalkan diri dan meminta izin untuk membuat pemeriksaan terhadap beg yang dibawa oleh perempuan India tersebut. Tapi malangnya beliau tidak memberi kerjasama. Sebaliknya memaki hamun saya dan mengeluarkan kata-kata kesat. Keadaan mula menjadi tidak terkawal dan saya terpaksa meminta bantuan dari pegawai saya untuk meredakan keadaan. Setelah keadaan tenang, kami pun membuat pemeriksaan terhadap beg yang dibawa dan mendapati tiada barangan yang dicuri didalamnya. Saya merasa amat teruja sekali. Saya pasti, barangan yang diambil tadi telah dibuang semasa saya mengekorinya tanpa disedari. Oleh kerana itu, pihak kami terpaksa memohon maaf darinya dan menghadiahkan hamper bernilai RM200 sebagai gantirugi. Namun ibarat kata pepatah 'Langit tidak selalu cerah....' sebulan selepas kejadian tersebut, takdir telah memihak kepada saya. Sekali lagi saya dapat menahan perempuan India yang sama dan kali ini berserta barangan yang dicuri. Kini tiba pula giliran beliau merayu serta melutut meminta belas kasihan sambil menangis. Tapi saya tidak dapat berbuat apa-apa selain membawanya ke balai polis untuk siasatan lanjut.

Seterusnya pada tanggal 2hb Sept 2009, saya telah membuat penahanan terhadap seorang perempuan Cina bersama anaknya yang telah mengambil barangan tanpa membuat pembayaran. Modus operandinya ialah memasukkan barangan yang dicuri kedalam beg plastik yang dibawa dari rumah. Saya telah membuat penahanan terhadap beliau dan memperkenalkan diri. Semasa ditahan, suspek tidak memberi kerjasama dan terpaksa meminta bantuan anggota keselamatan wanita untuk membawanya ke bilik pemeriksaan. Semasa proses siasatan, anak suspek menangis ketakutan sehingga dibawa kebalai polis. Semasa dibalai polis, suami wanita tersebut datang menghampiri dan merakam gambar saya. Saya merasa terkejut dengan tindakannya dan terus melaporkannya kepada pihak polis mengenai hal tersebut. Pihak polis kemudian memanggil lelaki Cina tersebut dan membawanya ke sebuah bilik untuk disoalsiasat. Beberapa minit kemudian mereka keluar dari bilik siasatan dan pihak polis memberitahu bahawa saya tidak perlu merasa bimbang lagi kerana semuanya telah dapat diselesaikan dengan baik. Walaupun pihak polis telah member jaminan keselamatan, namun jauh disudut hati saya tetap ada perasaan takut. Saya terus berwaspada semasa perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja.

Selepas peristiwa itu, satu lagi penahanan berjaya dilakukan oleh saya terhadap seorang wanita Sabah kerana mengambil barangan kosmetik tanpa membuat pembayaran. Modus operandi dengan memasukkan barangan yang diambil kedalam beg tangan yang dibawa. Jumlah barangan dianggarkan RM450.90. Penahanan kali ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah. Suspek telah di bawa kebalai polis untuk siasatan lanjut. Dari maklumat yang saya dapat, wanita tersebut tidak dapat diikat jamin oleh keluarganya dan terpaksa dibawa ke lokap Bukit Jalil. Keesokannya, saya telah diberitahu oleh rakan setugas bahawa ada seorang lelaki mabuk yang membawa sebilah 'pisau rambo' datang mencari saya untuk membuat perhitungan kerana menangkap adiknya semalam. Kebetulan pada waktu itu saya telah mengambil cuti rehat selama 2 hari. Menurut cerita kawan saya lagi, lelaki itu telah di berkas oleh polis. Peristiwa yang di alami ini sedikit sebanyak menyebabkan saya merasa agak trauma. Namun saya tidak pernah merasa serik. Semangat untuk berkhidmat dengan lebih dedikasi dan terus berusaha untuk mencegah kecurian semakin berkobar-kobar.

Pengisytiharan hari Sabtu sebagai 'Hari tanpa beg plastik' merupakan hari kemenangan untuk pencuri di pusat membeli belah. Antara pengalaman yang meninggalkan kesan pada saya ialah tangkapan yang saya buat pada hari Sabtu di bulan puasa pada tahun 2010. Dua orang wanita Indonesia telah membawa keluar barangan tanpa membuat pembayaran. Jumlah kecurian dianggarkan RM2150.00. Barangan yang dicuri ialah dari bahagian elektrik, pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak serta lain-lain barangan. Apa yang ingin saya nyatakan, bukanlah jumlah barang yang di curi tetapi peristiwa yang berlaku semasa proses siasatan sebelum dibawa ke balai polis. Bermula dari penangkapan untuk dibawa ke bilik siasatan, tiada kerjasama diberikan oleh kedua-dua wanita tersebut. Semasa dalam perjalanan ke bilik siasatan, saya telah digoda oleh salah seorang dari wanita tadi tanpa ada rasa segan silu. Saya juga telah ditawarkan dengan barangan kemas yang

dipakainya dan wang sebanyak RM1000 serta mengajak datang kerumahnya untuk adakan hubungan intim. Sebagai manusia biasa, hampir tertewas saya dibuatnya. Tapi syukur alhamdulillah, saya masih ingat kepada prinsip yang didokong oleh House Detektif iaitu jujur dan amanah. Setelah dijalankan siasatan, didapati kedua-dua wanita warga Indonesia ini tidak mempunyai pengenalan diri. Oleh kerana itu lah mereka sanggup memberi pelbagai tawaran dengan tujuan untuk melepaskan diri mereka dari diambil tindakan. Mereka bukan saja akan di tuduh mencuri tetapi juga berhadapan dengan kesalahan tinggal dinegara ini tanpa dokumen atau dianggap sebagai pendatang tanpa izin. Mengikut pegawai penyiasat yang mengendalikan kes ini, kedua-dua wanita tersebut telah didapati bersalah dan telah dikenakan hukuman penjara.

Penagihan dadah juga mengundang pelbagai masalah serta merugikan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga Negara. Penagih dadah adalah antara mereka yang tidak pernah serik melakukan pekerjaan mencuri demi untuk mendapatkan duit untuk membeli dadah. Rahim Razaki B Alias (nama samaran), adalah antara penagih dadah yang saya pernah tangkap sebanyak empat kali dalam masa tiga tahun. Tangkapan pertama keatas beliau ialah pada 26hb Dis 2010 dimana beliau telah mengambil barangan yang bernilai RM890.90. Barangan yang diambil merupakan peralatan dapur jenama Tefal. Modus operandi ialah membeli fail kertas berharga RM1.50 dengan tujuan untuk mendapat plastik beg yang besar untuk memasukkan barangan lain kedalam beg tersebut. Dan tangkapan terakhir saya keatas beliau ialah ketika beliau didapati mengambil tiga utas tali pinggang dan dua helai tali leher yang jumlah kesemua barangan ini ialah RM444.90. Semasa disoalsiasat, suspek mengaku telah beberapa kali masuk penjara kerana mencuri untuk mendapatkan wang untuk membeli dadah. Entah mengapa, saya merasa simpati terhadap suspek dan cuba memberi nasihat supaya timbul kesedaran dalam dirinya untuk berubah. Saya sendiri tidak tahu kenapa saya perlu menasihatinya saat itu. Tapi tanpa diduga, saya dapati dia memberi respon yang positif dan berjanji untuk berubah. Beberapa bulan kemudian, Sarjan Amin iaitu pegawai yang mengendalikan kes tersebut menghubungi saya dan memberitahu bahawa Razali, suspek yang saya tangkap tempohari telah meninggal dunia setelah dua bulan dimasukkan kedalam Penjara Sungai Buloh kerana menghidap penyakit TB. Buat seketika saya merasa sebak bila mendengar perkhabaran tentang kematiannya dan hanya Al-Fatihah yang dapat saya sedekahkan kepada arwah semoga roh arwah aman disisiNya...amin.

Pada 4hb Mei 2010, satu lagi kes melibatkan penagih dadah telah dapat saya tangkap. Semasa penahanan, suspek tidak melawan sebaliknya memberi sepenuh kerjasama. Proses siasatan berjalan lancar dan pihak kami memintanya menghubungi ahli keluarganya. Tidak beberapa lama kemudian, kelihatan isterinya datang bersama dua orang anaknya yang masih kecil. Saya lihat keadaan anaknya tidak terurus. Anak perempuannya yang berusia empat tahun, didapati tubuhnya dipenuhi dengan kudis manakala anak lelaki yang dalam dukungan pula kelihatan kurus dan lemah. Saya merasa amat simpati melihat keadaan mereka. Saya bertanya pada anak perempuannya samada sudah makan atau

belum dan dia hanya menggelengkan kepala. Kemudian saya bertanya pula tempat tinggal mereka. Wanita itu dengan sayu memberitahu bahawa mereka tinggal dibawah jambatan. Terkedu hati saya mendengarnya tapi apakan daya. Saya tak mampu untuk berbuat apa-apa. Suspek kemudian dibawa kebalai polis untuk tindakan lanjut. Atas rasa perikemanusiaan dan kasihan belas, saya menghulurkan RM20 kepada isteri suspek dan memintanya membeli makanan untuk anaknya. Selepas dari hari itu, saya tidak mendapat apa-apa berita tentang mereka. Demikianlah antara pengalaman yang menyentuh perasaan saya sepanjang bertugas sebagai House Detektif.

Seperti hari-hari sebelum, saya memulakan tugas saya seperti biasa pada jam 10.00 pagi. Hari ini, 23hb Ogos 2010, setelah membuat rondaan, saya dapati tiada apa-apa yang mencurigakan. Saya pun berehat seketika diatas tangga didalam bangunan yang mengadap ke bahagian pakaian lelaki sambil memerhati kerenah pelanggan membeli belah. Kebetulan semasa berehat, saya ternampak seorang lelaki India mengambil beberapa barangan dan memasukkan ke dalam beg yang dibawanya. Saya pun terus mengekori lelaki India tersebut hingga beliau keluar dari bangunan. Selepas itu saya pun menahannya dan meminta resit pembelian. Namun suspek tidak memberi kerjasama, sebaliknya berusaha melepaskan diri dan berlari masuk kedalam bangunan semula. Saya mengejanya bersama-sama dengan pengawal keselamatan yang ada disitu, Semasa kejar mengejar itu, seorang dari pelanggan telah menyepak kaki lelaki India tersebut dan membuatkan dia terjatuh serta terhantuk kepala di almari kaca yang menyebabkan kecederaan dibahagian dahinya. Suspek kemudian dibawa kebilik kecemasan untuk diberi rawatan. Beliau kemudian di soalsiasat dan dibawa kebalai polis untuk siasatan lanjut. Pada malam hari kejadian, anggota yang bertugas telah didatangi oleh beberapa buah kereta yang dipandu laju dihadapan bilik kawalan sekuriti dan mereka ini terdiri dari bangsa India. Melihat keadaan itu, penyelia yang bertugas pada malam itu telah menghubungi pihak polis dan mereka pun beredar dari kawasan tersebut bila melihat kehadiran polis. Pada pendapat saya, kumpulan tadi kemungkinannya adalah rakan kepada suspek yang ditangkap siang tadi. Mungkin mereka cuba untuk menakutkan kami. Pihak penyelia telah pun membuat aduan polis serta menyerahkan rakaman CCTV untuk rujukan pihak polis.

Pada satu Jumaat 2010, saya bertugas seperti biasa. Pada saya, minat dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh syarikat membuatkan semangat saya sentiasa membara dalam menjalankan tugas harian. Pada hari itu, sekali lagi saya dapat membuat tangkapan keatas seorang wanita Melayu yang mencuri minuman keras bersama taukehnya yang berbangsa Cina. Modus operandi ialah taukeh Cina akan membawa barangan yang dicuri kebahagian yang tersorok dan wanita Melayu itu akan meletakkan barangan tersebut di celah pehanya yang sudah diletakkan jaring. Setelah dikenalpasti dan barangan berada bersama suspek, saya menunggu suspek melepasi bangunan dan menangkapnya dengan bantuan rakan anggota keselamatan yang lain. Semasa hendak membuat penahanan, suspek cuba untuk melarikan diri menyebabkan minuman keras yang diletak antara pehanya terjatuh dan suspek akhirnya dapat ditahan. Manakala taukeh Cina itu pula

berjaya melarikan diri dengan keretanya dan hampir melanggar seorang anggota keselamatan yang cuba menahannya. Wanita Melayu yang ditahan tadi dibawa ke bilik kawalan dan seterusnya ke balai polis untuk siasatan selanjutnya.

Seperti yang sedia maklum, remaja merupakan aset Negara dan mereka merupakan pewaris yang akan menentukan hala tuju sesebuah Negara. Sifat semulajadi remaja ialah suka mencuba sesuatu yang baru tanpa mengira ianya berfaedah atau sebaliknya. Pengalaman saya menangkap dua remaja bangsa Melayu berusia 16 tahun amat memberi kesan pada saya. Mereka ditangkap kerana mencuri baju dan makanan. Apabila dibuat penahanan dan suspek adalah dibawah umur maka pihak ibubapa akan dipanggil untuk membuat jaminan dan membayar nilai barangan yang diambil. Saya telah menghubungi keluarga kedua remaja terbabit dan ibu kepada salah seorang remaja tersebut telah memberi respon yang tidak diduga. Beliau memberitahu tidak akan menjamin anaknya itu dan meminta supaya anaknya itu dihantar sahaja ke balai polis untuk diambil tindakan. Apabila selesai siasatan, remaja terbabit telah dihantar ke balai polis manakala seorang lagi telah dijamin oleh keluarganya.

Selain warga tempatan, terdapat juga warga asing yang melakukan kecurian. Pengalaman saya menangkap seorang lelaki berbangsa Iran merupakan salah satu kes yang agak rumit. Bermula dari penahanannya, saya terpaksa turun naik mahkamah. Semasa menahan suspek, beliau tidak memberi sebarang kerjasama sehinggalah dibawa ke balai polis. Suspek kemudian telah membuat aduan bahawa saya telah menahannya semasa berada didalam bangunan dan kes ini telah dibawa ke persidangan. Saya terpaksa mendapatkan bukti yang kukuh serta menyerahkan rakaman CCTV untuk menguatkan kesahihan penahanan suspek. Semasa perbicaraan di mahkamah, saya telah disoal oleh peguambela selama hampir satu setengah jam. Syukur, akhirnya keputusan kes berada di pihak saya. Beliau telah didapati bersalah dan didenda RM10 000 serta penjara satu bulan dan tidak dibenarkan lagi memasuki Negara ini.

Seterusnya ialah penahanan terhadap seorang lelaki yang mencuri sejenis gula yang diguna oleh mereka yang mengidap kencing manis. Setelah suspek dikenalpasti, saya mengekorinya hingga beliau keluar dari bangunan dan menuju ke tempat letak motor. Saya menahan suspek tetapi beliau tidak memberikan kerjasama dan melawan. Suspek cuba menghidupkan enjin motor untuk melarikan diri tapi dapat ditahan dengan bantuan anggota keselamatan lain. Salah seorang anggota keselamatan telah cedera akibat dari terkena libasan kunci motor suspek. Suspek kemudian dibawa ke bilik kawalan dimana telah dikawalrapi oleh anggota keselamatan. Suspek mengalami lebam akibat pergelutan dan anggota keselamatan yang cedera telah mendapat rawatan luar. Mengikut pegawai penyiasat yang mengendalikan kes tersebut, suspek telah mengaku bersalah dan dipenjarakan.

Pengalaman seterusnya sepanjang saya bertugas ialah penangkapan yang saya buat keatas seorang pelanggan wanita berbangsa Cina yang saya rasa termasuk dalam golongan

orang yang berkemampuan. Pelanggan Cina ini bersama anaknya yang berusia satu tahun telah membeli barangan yang berjumlah RM450.70. Selepas itu beliau mengambil pula beberapa helai pakaian lelaki dan wanita tanpa membuat pembayaran. Modus operandi ialah memasukkan pakaian yang belum dibayar kedalam beg plastik barangan yang telah dibeli tadi. Semasa ditangkap, wanita tadi terus menangis dan merayu kepada saya. Seorang anggota keselamatan perempuan telah membawanya kebilik kawalan untuk pemeriksaan lanjut. Wanita itu telah mengaku kesalahannya. Semasa menunggu untuk dibawa ke balai polis, wanita tersebut telah menghubungi suaminya yang juga berada didalam kompleks membeli-belah bersama dengan seorang lagi anak mereka yang berusia empat tahun. Bila suaminya tiba dibilik siasatan, beliau terus marah dan menengking anggota keselamatan yang berada disitu. Saya cuba menenangkan beliau dan menerangkan tentang prosedur syarikat. Lelaki itu kemudian dapat bertenang dan faham tentang tugas kami. Seterusnya kami memberitahu beliau bahawa isterinya akan dibawa kebalai polis untuk siasatan lanjut. Beliau sekali lagi cuba pula untuk memberi wang sogokan kepada pegawai kami yang berada di situ sebanyak RM3000 tapi ditolak dengan baik oleh pegawai penyelia kami. Wanita ini kemudian sekali lagi membuat hala dengan tidak mahu menaiki kereta peronda polis untuk di bawa kebalai sebaliknya memohon untuk menaiki keretanya sendiri iaitu kereta jenis Alphard. Polis sekali lagi memujuk beliau untuk mengikut arahan dan akhirnya wanita ini terpaksa akur dan di bawa kebalai polis untuk tindakan selanjutnya.

Demikianlah antara pengalaman-pengalaman yang saya lalui sepanjang saya bertugas sebagai House Detektif. Banyak suka duka dan cabaran yang terpaksa saya lalui. Ia kadang-kadang mencabar kewibawaan dan pertimbangan hati saya. Oleh itu kepada sesiapa diluar sana yang berminat untuk bekerja sebagai House Detektif, apa yang penting adalah anda perlu mempunyai kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk persediaan menghadapi pelbagai situasi yang kadang diluar jangkaan. Dan kepada yang sudah pun bergelar House Detektif, saya harap mereka dan diri saya sendiri dapat terus memikul tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi dan amanah serta berusaha untuk meningkatkan lagi kerjaya ini ke peringkat yang lebih tinggi.....

Wassalam....

Diedit oleh Marina Yaacob.